BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 Markah]

CONTOH ITEM : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Rintihan Bumi

Usia aku semakin lanjut
Kalau aku terbujur
Adakah yang ingin menjagaku
Aku semakin tua
Sudah terlalu uzur aku memelihara
Anak-anakku – manusia.

Setiap hari aku berdoa agar anak-anakku
Menjaga adab
Aku banyak kali menegur
Tetapi mereka tidak juga berubah
Aku hanya mampu menangis sehingga banjir
Aku pukul mereka dengan Tsunami
Tetapi mereka tidak menerima teguran itu untuk berubah.

Akhirnya apabila aku geram
Tuhan perintahkan aku menggoncang badan aku
Gempa maha dahsyat berlaku
Sehinggakan aku demam, mereka tetap terus
Mencabut pokok-pokokku
Apabila aku geram, keluarlah taufan tetapi mereka
Tetap tidak berubah.

Muhd. Syazwan Sahlan
Sungai Buluh, Selangor.
Dewan Siswa, Bil. 1 2018

Bahan 2

"Demi malar hijau yang kamu cintai, kamu perlu belajar. Hutan ini memerlukan kamu."

"Apa maksud cikgu?"

"Tidakkah kamu tahu bahawa di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan. Sindiket yang gila akan duit menceroboh dan membunuh fauna dan flora di kawasan hutan simpan. Bukan sahaja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam."

"Pohon-pohon tembusu padang, meranti seraya, dan meranti tembaga di kawasan simpan, 20 km dari sini sudah tiada lagi cikgu," kata Daneng terputus-putus. Suaranya ditenggelami kekecewaan yang pedih. "Apakah yang dapat saya lakukan. Apabila tiba di sana, mereka sudah tiada, pokok-pokok ini juga sudah tiada."

"Sebab itulah kamu harus belajar, Daneng. Mungkin kamu dapat menjadi pegawai perhutanan negara, dan melaksanakan satu rancangan yang lebih agresif untuk membanteras kelompok musuh ini, atau kamu dapat menjadi saintis, mencipta sesuatu yang dapat menggantikan tempat kayu. Barulah hutan akan terselamat. Masa depan pohon tualang pujaanmu juga akan terjamin," hujah Jo.

Dipetik daripada cerpen 'Lambaian Malar Hijau'
oleh Seroja Theavy a/p Balakrishnan
antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3

PANTUN SAYANGI ALAM

Cerah dian di malam gelita,
Diserikan embun dibawa deru;
Indah nian negara tercinta,
Daun merimbun laut membiru.
Tumbuh pegaga di tanah rata,
Penuh kawasan luas terbentang;
Mari dijaga alam semesta,
Jadi warisan generasi mendatang.
Tercalit ranah di atas pelantar,
Sapu ke tepi cemar tak berubah;
Andai musnah alam sekitar,
Bersedia hadapi segala musibah.
Di hujung desa tumbuh halban,
Kian tenggelam dilitupi lalang;
Harta binasa nyawa terkorban,
Keindahan alam turut hilang.

Nor Hafuza Arif,
Shah Alam

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menjaga adab*. [2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **semua bahan,** nyatakan kesan-kesan kemusnahan alam sekitar akibat aktiviti manusia. [4 *markah*]

(iii) Alam sekitar sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memuliharanya.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memulihara hutan di negara ini? [3 *markah*]

(iv) Pada suatu petang, anda sedang memancing ikan di sebatang sungai yang jernih, tiba-tiba anda ternampak tiga orang pemuda yang sedang mengangkut beberapa buah tong yang mengandungi cecair. Mereka mencurahkan cecair tersebut ke dalam sungai. Setelah mereka beredar, anda mendapati warna air sungai semakin keruh dan kelihatan beberapa ekor ikan mulai terapung. Anda yakin bahawa cecair tersebut ialah sisa toksik.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini? [4 *markah*]